

DR. MAHATHIR DIPINGGIRKAN!

Oleh: **PENULIS ERA BARU**

B E K A S Perdana Menteri yang juga bekas Presiden UMNO, Tun Dr. Mahathir Mohamad kerap membangkitkan dalam ucapan-ucapan beliau bahawa pemimpin-pemimpin UMNO yang suatu ketika dahulu rapat dan kerap berbincang dan duduk semeja semasa beliau menjadi Perdana menteri selama 22 tahun, kini menjauhkan diri darinya. Beliau bertanya apakah dosa beliau kepada parti dan negara dan orang Melayu khususnya sehingga beliau dipinggirkan?

Beliau juga melahirkan kekecewaan beliau kerana ada pihak-pihak yang ingin menemui beliau tetapi telah dise-

kat. Sepatutnya, mereka ini bebas untuk menemui beliau terutama sekali beliau masih lagi menjadi ahli UMNO, biarpun tewas dalam pemilihan di Kubang Pasu baru-baruini.

Persoalannya, mengapa mereka ini begitu takut untuk bertemu dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad? Adakah Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan memarahi dan menamatkan jawatan mereka jika mereka berjumpa dengan Tun Dr. Mahathir?

Bayangkanlah bagaimana sedih dan pilunya hati Tun Dr. Mahathir apabila bekas-bekas ahli kabinet beliau dan pemimpin-pemimpin parti menjauhkan diri darinya seolah-olah beliau telah melakukan kesalahan besar.

Briefly

Mahathir: Old pals avoiding me now

KUALA PILAH: Former Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad said Umno leaders who used to be old pals are now avoiding him.

<
Keratan
akhbar yang
menyiarkan
dakwaan Tun
Dr Mahathir
bahawa kawan
lama semakin
menjauhkan
diri dari beliau